



PEMBERITAHUAN

(Ruj: PKP2 / MPKangar / 2021 / 01)

WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), adalah dimaklumkan bahawa semua ketetapan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah terpakai di Negeri Perlis kecuali dinyatakan sebaliknya oleh Kerajaan Negeri Perlis atau Majlis Perbandaran Kangar. Waktu operasi aktiviti perniagaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam kawasan Majlis Perbandaran Kangar adalah seperti berikut :

AKTIVITI PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI
Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera / pusat penjaja, gerai makan tepi jalan / kiosk, kedai runcit dan kedai serbaneka Nota : Penjualan makanan hanya dibenarkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran sahaja. <i>Dine-in</i> tidak dibenarkan.	6.00 pagi hingga 8.00 malam
Hospital, klinik dan makmal perubatan	24 jam
Kedai farmasi	6.00 pagi hingga 8.00 malam
Kedai keperluan harian	6.00 pagi hingga 8.00 malam
Stesen minyak (kecuali stesen minyak di lebuh raya yang beroperasi sehingga 24 jam)	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Klinik dan kedai makanan haiwan	6.00 pagi hingga 8.00 malam
Kedai dobi dan kedai cermin mata / alat optik	6.00 pagi hingga 8.00 malam
Kompleks membeli belah Pasaraya / pasaraya besar <i>Departmental store</i> Farmasi / penjagaan diri Kedai serbaneka / mini mart	6.00 pagi hingga 8.00 malam
Kedai perabot Kedai emas Kedai elektrik & elektronik Kedai buku & alat tulis Kedai <i>hardware</i>	6.00 pagi hingga 8.00 malam
Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti (termasuk premis 3S dan 4S)	6.00 pagi hingga 8.00 malam

Aktiviti Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Tani (Terkawal) SEDIA ADA Anjuran Majlis Perbandaran Kangar Atau Pihak Ketiga

Dimaklumkan bahawa, operasi Pasar Malam sedia ada diubah ke sesi pagi dan akan beroperasi sebagai Pasar Pagi. Jadual hari operasi adalah dikekalkan. SOP Pasar Pagi dan Pasar Tani (Terkawal) adalah seperti ketetapan sedia ada.

Waktu operasi pasar adalah seperti berikut :

AKTIVITI PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI
Pasar pagi / pasar tani (Terkawal)	7.00 pagi hingga 2.00 petang
Pasar borong	4.00 pagi hingga 9.00 pagi
Pasar basah	6.00 pagi hingga 2.00 petang

Sebarang permohonan permit baru bagi penganjuran aktiviti Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Tani dan Bazar Jualan adalah **DIBEKUKAN** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Untuk maklumat lanjut mengenai SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sila layari : <https://www.mkn.gov.my>

Sekian, terima kasih.

Arahan,

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
20 Januari 2021**